

DALAM DIAM, GLAUKOMA MENCURI PENGLIHATAN KITA

Oleh: Nor Solehah binti Gorimi, 1172655

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 3 Ogos 2020



Masih ramai rakyat Malaysia yang tidak sedar tentang glaukoma. Masalah kesihatan itu bukan sekadar satu penyakit biasa malah ia adalah sesuatu yang diwarisi dan tidak dapat diubati.

Sekiranya tidak mendapatkan rawatan dan pengesanan awal daripada pakar oftalmologi, glaukoma dikhuatiri boleh menyebabkan buta kekal. Disebabkan itu, glaukoma turut digelar sebagai 'si pencuri mata'.

Namun, kebanyakan rakyat Malaysia masih tidak mahu mengambil peduli tentang glaukoma. Mungkin glaukoma kurang diuar-uarkan justeru menyebabkan ramai yang kurang mengetahui tentangnya.

Menurut Pakar Mata Glaukoma di Jabatan Oftalmologi Hospital Kuala Lumpur, Dr Roslinah Muji, glaukoma adalah sejenis penyakit yang sangat progresif dan aktif.

Jika tidak dikawal, ia boleh menyerang semua peringkat umur sama ada kanak-kanak, remaja dan warga emas.

Lazimnya, penyakit ini mempunyai kaitan dengan tekanan yang berlaku dalam mata. Secara analoginya, jika kita memegang sebiji bola dan didapati tekanan dalam bola itu tinggi, kita dapat merasakan bola menjadi tegang dan keras.

Begitu juga dengan mata. Dalam sesuatu kejadian, kemungkinan otot mata menjadi tegang ekoran tekanan yang dialami.

Namun, tidak semua pesakit menghadapi masalah yang sama. Sesetengah pesakit mengalami glaukoma akibat tekanan darah tinggi dan masalah buah pinggang.

Ada juga pesakit yang tidak mempunyai masalah bebola mata tetapi menghidap glaukoma. Maka, pengesanan awal amatlah penting bagi mengelakkan pesakit mengalami risiko hilang penglihatan.

Jelas Dr Roslinah lagi, terdapat beberapa kaedah bagi merawat. Kaedah pertama adalah dengan memberi ubat kawalan untuk menurunkan tekanan dalam mata kepada pesakit.

Sekiranya tidak berkesan, rawatan laser akan dilakukan dan seterusnya adalah pembedahan agar daya penglihatan dapat dipanjangkan serta mengelakkan daripada mengalami buta kekal.


Kebanyakan pesakit tidak sedar dia menghidap glaukoma kerana tidak mempunyai gejala yang khusus seperti penyakit-penyakit yang lain.

Pada peringkat awal, seseorang pesakit akan kehilangan pandangan sisi. Lama-kelamaan sekiranya tidak dirawat, glaukoma akan merebak ke bahagian tengah mata dan jika tidak dirawat, akan berlarutan sehingga mengalami buta kekal.

Gejala glaukoma hampir sama dengan penyakit lain seperti migrain serta masalah rabun.

Terdapat dua jenis gejala glaukoma yang perlu diketahui iaitu:


Gejala Glaukoma Sudut Tertutup



1. Sakit pada bola mata
2. Kabur penglihatan mata yang mengalami glaukoma
3. Mata menjadi merah
4. Sakit kepala
5. Mual dan muntah
6. Tekanan bola mata yang meningkat yang berpunca daripada pengaliran cecair dalam mata tersumbat

Gejala Glaukoma Sudut Terbuka

1. Selalunya tiada tanda-tanda sehingga glaukoma pada tahap yang serius
2. Kehilangan penglihatan yang perlahan dan berterusan
3. Pengecutan medan penglihatan
4. Peningkatan tekanan bola mata
5. Peningkatan nisbah 'cup disc' (menunjukkan kerosakan pada saraf optik)



Dari segi perubatan Islam, selain mendapatkan rawatan di hospital, pesakit boleh mengamalkan doa untuk kesihatan mata iaitu dengan membaca ayat 22 surah Qaf: “ فَكَشَفْنَا عَنْكَ غِطَاءَكَ فَبَصَرُكَ ” kemudian berselawat dan berdoa kepada Allah SWT.

Glaukoma sebenarnya dapat dikawal sekiranya mereka yang mengalaminya sentiasa melakukan pemeriksaan mata mengikut nasihat yang disarankan oleh doktor.

Adalah penting untuk setiap individu mengambil langkah berjaga-jaga agar penglihatan mereka sentiasa dalam keadaan sihat dan sempurna.